

TIPU PAKEJ UMRAH RM4 JUTA

**Lanjut
 reman
 3 hari lagi**

Zatul Iffah Zolkipli
 zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Tempoh reman bekas Pengarah Yayasan Bakti Negara Terengganu (YBNT) dilanjutkan tiga hari hingga Khamis ini untuk membantu siasatan berhubung kes penipuan pakej umrah membabitkan kerugian RM4 juta pada Disember 2016.

Perintah itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret/Sesyen Kuala Terengganu, Roszita Md Saad bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, suspek berdepan 66 pertuduhan membabitkan lebih 300 mangsa dan dijangka didakwa di mahkamah Khamis ini.

Suspek diwakili peguam, Mohd Hayyatuddin Muhamad dan Che Amir Che Musa.

Terdahulu suspek ditahan di sebuah rumah di Damansara, Kuala Lumpur, jam 11 pagi pada 11 Julai lalu oleh anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Terengganu selepas menghilangkan diri hampir dua

tahun.

Suspek yang sebelum ini dilepaskan dengan jaminan polis sementara menunggu arahan timbalan pendakwa raya menghilangkan diri dan sentiasa menukar tempat persembunyian setiap kali serbuan dilakukan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu mengesahkan siasatan mereka mendapati YBNT mempromosikan pakej umrah ditawarkan secara dalam talian

menerusi Facebook dengan bayaran rendah daripada pasaran iaitu RM4,999.

KPDNHEP Terengganu mengenal pasti dalam tempoh Jun hingga Oktober tahun lalu, YBNT mencatatkan kemasukan wang berjumlah RM14.2 juta.

Penipuan pakej umrah itu dikatakan menjejaskan 4,800 jemaah daripada guru dan keluarga mereka selepas membayar RM3,000 seorang.

Suspek sebelum ini menyalahgunakan surat dikeluarkan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan menawarkan pakej umrah secara subsidi kepada guru.



BEKAS Pengarah YBNT dibawa ke mahkamah untuk perintah sambung reman.

FAKTA
 Suspek berdepan
 66 pertuduhan
 babit 300 mangsa